FATWA BERKENAAN TUDUHAN KAFIR-MENGKAFIR

PADA MENYATAKAN CIRI-CIRI ORANG KAFIR
YANG BOLEH DIUNDI DALAM PILIHANRAYA



SAYYID YUSUF BIN ALI AZ-ZAWAWI
MUFTI TERENGGANU KESEPULUH (1953-1975)

PERUMI
ARSYAD MOKHTAR



BAYTUL ḤIKMĀ

FATWA BERKENAAN TUDUHAN KAFIR-MENGKAFIR

Buku
ini dihadiahkan
khas untuk semua pencinta
ilmu dan kebenaran. Semoga segala
mutiara hikmah yang terdapat di dalam
buku ini dapat dimanfaatkan untuk
kebahagiaan hidup di
dunia dan juga
akhirat.

— Baytul Hikma & Arsyad Mokhtar



BAYTUL HIKMĀ



BAYTUL HIKMĀ

Cetakan Pertama, 2018

Kredit Gambar Kulit Buku, Petar Milošević

FATWA BERKENAAN TUDUHAN KAFIR-MENGKAFIR

SAYYID YUSUF BIN ALI AZ-ZAWAWI

PERUMI
ARSYAD MOKHTAR



BAYTUL HIKMA
Pulau Pinang
2018

FATWA BERKENAAN TUDUHAN KAFIR-MENGKAFIR

© ARSYAD MOKHTAR

Cetakan Pertama, 2018

Hakcipta Terpelihara

Buku digital ini hanya untuk bacaan secara digital sahaja.
Tidak dibenarkan mengeluar ulang
mana-mana bahagian buku ini dalam apa-apa
bentuk melalui apa-apa cara sekalipun, melainkan
setelah mendapat keizinan bertulis secara
rasmi daripada Baytul Hikma.

Diterbitkan Oleh



BAYTUL HIKMA
(PG0378209-M)
Pulau Pinang, Malaysia
www.baytulhikma.my
baytulhikmaresources@gmail.com
www.facebook.com/BaytulHikmaMalaysia
+6013-2181421

KANDUNGAN

BAYTUL ḤIKMĀ

BAYTUL ḤIKMĀ

(m/s. 1)

FATWA BERKENAAN TUDUHAN KAFIR-MENGKAFIR

OLEH
Sahibul Fadhilah Tuan Sayyid Yusuf Bin Ali Az-Zawawi
J.P., P.J.K.
Mufti Kerajaan Terengganu

DIRUMIKAN OLEH
Arsyad bin Mokhtar
(1 September 2008)

* * *

Agama Islam mengharamkan seseorang Islam itu menuduh kafir terhadap seseorang Islam yang lain, kerana Rasulullah SAW telah bersabda:

لا يرمي رجل رجلا بالفسوق ولا يرميه بالكفر إلا ارتدت عليه
إن لم يكن صاحبه كذلك

Diriwayatkan oleh Abu Zarr sebagaimana yang tersebut di dalam kitab-kitab Sahih Imam Bukhari dan Sahih Imam

Muslim, yang bermaksud: *"Barangsiapa yang menuduh fasik atau kafir terhadap seseorang lain adalah dia sendiri akan menjadi fasik atau kafir jika tuduhan itu tidak benar."*

Telah ijma' sekalian ulama Islam pada mengatakan perbuatan itu adalah suatu dosa yang besar, kalau pun tak boleh dikatakan sebesar-besar dosa, kerana menyebabkan orang yang membuat tuduhan itu sendiri menjadi kafir akibat dari tuduhan yang tidak sebenar itu.

Adapun orang Islam yang terkena tuduh kafir itu, tidaklah terjatuh ke atasnya sesuatu hukum daripada hukum-hukum Syara', dikecualikan jika dia telah dihukumkan sebegitu, yakni menjadi kafir, oleh seorang Hakim Syar'ie, setelah sabit tuduhan kafir itu ke atasnya selepas dijalankan penyiasatan dan penelitian yang sehalus-halusnya dan telah diperintah ianya bertaubat, tetapi enggan. Ketika itu baharulah berjalan ke atasnya hukum-hukum yang terjatuh ke atas seorang kafir. Kerana jika tuduhan yang sewenang-wenang diakui sah, sudah tentu akan berlaku huru-hara, dan ketika itu tidaklah ada lagi sekatan atau kawalan Syara'.

Maka wajiblah di atas tiap-tiap orang yang suka mempermain-mainkan perkataan *"kafir-mengkafir"* ini menginsafi akan dosa yang dia lakukan itu, dan wajiblah ia bertaubat dengan serta-merta, supaya tidaklah ia berkekalan di dalam dosa yang besar itu yang akan membawa ke neraka. Jika ia masih kekal membuat tuduhan itu, maka wajiblah di atas pemerintah ta'zirkan dia[1] dengan apa cara yang difikirkan patut dan munasabah.

Berkenaan dengan soal adakah harus bagi seseorang Islam

[1] Yakni menjatuhkan hukuman ta'zir ke atas orang berkenaan. –pent.

memilih atau mengundikan seorang warganegara yang bukan Islam menjadi Wakil Rakyat dalam Dewan-dewan mesyuarat atau lainnya yang tidak ada kaitan dengan perkara agama, maka di dalam negeri-negeri kita di Malaya, peraturan-peraturan pilihanraya yang dijalankan itu adalah bersesuaian dengan maksud Perlembagaan Negara Persekutuan Tanah Melayu yang telah disahkan dengan pakatan sekalian pertubuhan-pertubuhan siasah yang mendukungi suara yang terbanyak daripada penduduk-penduduk negara ini; dalam mana telah dikanunkan bahawa tiap-tiap warganegara ini adalah mempunyai hak-hak dan tanggungan yang sama dari segi undang-undang negeri, tidak terkecuali (m/s. 2) sama ada warganegara itu beragama Islam atau pun tidak, selagi dia taat dan patuh kepada undang-undang negeri; dan sekaliannya telah mengaku dan mengesahkan bahawa apa-apa yang ada kaitan dengan perkara-perkara agama Islam adalah terpulang kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan pada mengendalikannya.

Manakala kita tilik kepada apa yang tersebut di atas itu, nescaya tidaklah terluput dari pandangan kita betapa besarnya muslihat am yang terkandung di dalamnya. **Oleh yang demikian, tidaklah ada halangan dari segi Syara' bahawa seseorang Islam itu memilih atau mengundi seseorang kafir yang telah diakui sah kewarganegaraannya** dengan segala syarat-syarat yang tercatit dalam Perlembagaan, kerana Rasulullah SAW telah bersabda:

المؤمنون عند شروطهم

Yang bererti: *"Orang-orang Mukmin itu adalah dituntut*

menyempurnakan syarat-syarat janjinya."

Pengundiannya itu tidak lebih dari apa yang dimaksudkan dalam hukum *Wakalah* (Memberi Wakil) yang hanya terikat dan tertentu dengan suatu perkara yang tidak ada hubungan dengan apa-apa Syi'ar Islam atau I'tiqad seorang Mukmin serta tidak pula menyentuhi kehormatan pengundi itu sebagai seorang Islam, atau bertentangan dengan muslihat-muslihatnya dari segi penghidupan dunianya, sekalipun tidaklah hendak kita tegaskan bahawa padanya terletak kebajikan dan keselamatan am.

Ulama'-ulama' Islam telah memutuskan bahawa pada membuat sesuatu *Wakalah* (Perwakilan) tidaklah disyaratkan bahawa orang yang hendak diwakilkan itu mesti beragama Islam, kecuali dalam beberapa perkara yang tertentu sahaja, kerana *Wakalah* itu dikatakan suatu aqad yang harus (tidak termesti dibuat). *Wallahu waliyyut taufiq*.[2]

Kuala Terengganu,
14 Jumadil Awwal 1383,
2 Oktober 1963

SAYYID YUSUF BIN ALI AZ-ZAWAWI
Mufti Kerajaan Terengganu

* * *

BAYTUL HIKMĀ

[2] Allah jualah Pemberi Taufik. –pent.

(m/s. 3)

SERUAN MUFTI TERENGGANU KEPADA UMAT ISLAM

(Berdasarkan kepada fatwa yang telah dikeluarkan mengenai "kafir-mengkafir" di atas, maka Sahibul Fadhilah Tuan Sayyid Yusuf bin Ali Az-Zawawi, Mufti Kerajaan Terengganu, telah menghadapkan seruan di bawah ini kepada umat Islam di negeri kita.)

Setelah berjuang habis-habisan dan menumpahkan pengorbanan-pengorbanan yang besar, umat Melayu pada akhirnya dapatlah menebus balik kemerdekaan Tanah Melayu dari tangan penjajah dalam tahun 1957, dan sejak itu mulalah negara Persekutuan Tanah Melayu mara ke hadapan langkah demi selangkah mencipta kemajuan dari segi pembangunan, pelajaran, kebajikan masyarakat dan lain-lain. Suatu perlembagaan telah dimeterikan dengan mendapat sokongan dan pengesahan daripada pertubuhan-pertubuhan siasah yang mendukung suara terbanyak daripada rakyat-rakyat negara ini dari berbagai-bagai rupa corak pentas perjuangannya dan bangsa keturunan masing-masing.

Sedang negara ini berjalan dengan pesatnya ke arah kemajuan, tiba-tiba bangkit segelintir bilangan manusia yang

mendakwakan dirinya Ahli Ilmu, pembela agama; menyebarkan pesona di kalangan rakyat dengan membuat tuduhan kononnya siapa-siapa daripada orang Islam yang memilih dan mengundikan calon kafir menjadi wakil dalam mana-mana Dewan Mesyuarat negara ini hukumnya kafir, dengan tidak mengirakan bahaya fitnah yang akan timbul dari pesona tuduhan itu, dan tidak menghiraukan kerosakan dan kebinasaan yang akan berekor daripadanya.

Bahawa sesungguhnya langkah taktik setengah-setengah ahli siyasah yang belum masak yang berani menerbitkan fitnah agama yang besar seumpama itu amatlah menyedihkan tiap-tiap seorang Islam yang cemburukan ugamanya dan tiap-tiap orang Islam yang mempunyai akal fikiran yang waras dan bebas. Mereka hendaknya beringat bahawa akibat pesona yang sebegitu beracun akan menimpa batu kepala mereka sendiri sebelum daripada orang lain. **Allah Taala sahaja yang Maha Mengetahui tuduhan yang dibuat itu bukan sekali-kali kerana agama dan bukan sekali-kali kerana Allah, malahan sebagai umpan untuk memancing suara rakyat yang lurus.**

Mereka mempermain-mainkan perkataan *"kafir-mengkafir"* dengan tidak mereka menghiraukan dasar agama Islam yang telah sedia ada dengan teguhnya tak boleh diubah alih. Agama Islam telah menetapkan dasarnya bahawa mana-mana juga orang Islam tidak harus sekali-kali menghukumkan seorang Islam lain dengan kafir menurut dari segi pandangan perseorangan dan jika ada berlaku kejadian yang seumpama itu maka tidak sekali-kali boleh dijatuhkan ke atas orang yang dituduh itu dengan sebarang hukum agama yang selayak diterima oleh seorang kafir, dikecualikan telah ditimbang dengan sehalus-halusnya oleh seorang Hakim Syar'ie dan

setelah sabit di sisinya yang demikian itu; waktu itu baharulah boleh dihukumkan ianya kafir. Kalau tuduh menuduh yang sewenang-wenang (m/s. 4) dibenarkan oleh Islam, nescaya akan berlakulah huru-hara dalam masyarakat Islam sebagaimana yang telah mula dilihat riak-riaknya pada masa ini.

Iman dan kufur itu keduanya kembali kepada I'tiqad seseorang dan tempat kesudahan I'tiqad itu ialah kepada Allah Subhanahu wa Taala. Oleh yang demikian, telah ijma' sekalian ulama atas dasar yang dibentangkan di atas tadi, yang mana adalah menunjukkan betapa beratnya pandangan Syara' untuk menghormati I'tiqad perseorangan. Rasulullah SAW telah memberi amaran keras terhadap siapa-siapa yang mencabul dasar itu dengan sabdanya yang sedia termaklum oleh tiap-tiap seorang Islam. Sabdanya:

من كفر مسلما فقد كفر

Yang bererti: *"Barangsiapa yang menuduh kafir terhadap seorang Islam yang lain nescaya dia sendiri menjadi kafir."*

Jika pesona yang harus timbul dalam masyarakat Islam itu dimaksudkan menjadi suatu senjata oleh suatu parti politik yang tertentu untuk menikam lawannya, maka atas nama persaudaraan Islam saya nasihatkan dengan tulus ikhlas terhadap siapa juga yang berlaku demikian, baik apa juga faham politiknya, hendaklah berhenti dari perbuatan itu, kerana perbuatan itu adalah dianggap oleh Syara' suatu dosa yang besar yang sekali-kali tidak diredhai oleh Allah dan RasulNya, yang kelak akan menimbulkan akibat yang buruk sekali ke atas diri mereka dan parti mereka sendiri, kerana parti-parti politik itu bukanlah tujuan utamanya membincang dan membahas perkara-perkara yang bersangkut paut dengan agama dan tidak

pernah didapati pada mana-mana masa pun dalam sejarah bahawa agama Islam itu sebuah parti politik.

Setelah ada timbulnya kejadian fitnah yang tak disangka-sangka itu, maka adalah menjadi kewajipan tiap-tiap orang Islam yang berakal dan pihak yang berkuasa juga memadamkan fitnah itu sebelum ia merebak dan membangkitkan kejadian-kejadian yang tidak diingini. Komplot-komplot yang bercita-cita hendak menduduki kerusi-kerusi yang lunak dengan jalan memperdayai rakyat yang lurus itu hendaklah dikutuk supaya terpelihara perpaduan rakyat dan tersanjung tinggi pengajaran-pengajaran Islam yang maha suci.

* * *

BAYTUL ḤIKMĀ

(m/s. 5)

ULASAN DAN PENERANGAN MUFTI TERENGGANU

(Di bawah ini ialah "Ulasan dan Penerangan" yang dikeluarkan oleh Sahibul Fadhilah Tuan Sayyid Yusuf bin Ali Az-Zawawi, Mufti Kerajaan Terengganu, mengenai fatwanya tentang "kafir-mengkafir" di atas tadi, sebagai huraian lanjut dari segi-segi kedudukan perkara itu.)

Sebelum tujuh abad yang silam atau lebih, umat Melayu sebagaimana umat-umat dunia yang lain juga, adalah hidup meraba-raba dalam gelap kejahilan. Dengan takdir Tuhan, datang sekumpulan manusia daripada pedagang-pedagang beragama Islam mempelopori kedatangan utusan-utusan agama Allah ke Tanah Melayu.

Sambil berjual beli dan berniaga, mereka menyeru orang-orang Melayu untuk menganuti agama Allah, agama Islam yang maha suci, dan menarik mereka itu sedikit demi sedikit mengamali pengajaran-pengajaran Islam dan berhenti dari menyembah berhala dan patung serta beransur-ansur mengikis dari hati sanubari mereka kepercayaan yang karut.

Tidak berapa lama kemudian daripada itu, bersinarlah cahaya agama Islam di segenap pelusuk dan rantau Tanah

Melayu dan terdirilah beberapa kerajaan Islam di negeri-negeri Melayu, mendukung agama Allah dan mengatur segala kira bicara mereka menurut ajaran-ajaran Islam yang suci. Demikianlah halnya agama Islam mula muncul dalam negeri-negeri Melayu, dan kemudian daripada itu bersinarlah cahayanya di Alam Melayu beberapa abad lamanya.

Kalaulah tidak kerana pertikaian dan perebutan kuasa yang sering berlaku antara pembesar-pembesar dan Raja-Raja Melayu, nescaya bertambah gemerlapanlah cahaya Islam mencipta kemajuan dalam tiap-tiap lapangan hidup, dan tidaklah ada celah bagi penjajah-penjajah memasukkan jarum pengaruhnya hingga menyebabkan terjadinya berbagai-bagai huru-hara dalam pemerintahan dan timbul bermacam-macam fitnah yang membawa akibat kelemahan umat Islam di negeri ini.

Pada akhirnya, dapat penjajah-penjajah itu meletakkan sepenuh-penuh cengkaman ke atas kerajaan dan umat Melayu dan menjalankan pemerintahan menurut yang direncanakan oleh muslihat-muslihat diri mereka. Penjajah-penjajah kulit putih telah berebut-rebut merampas pemerintahan negeri ini, dan dalam masa satu abad lebih kurang, negeri Melayu bertukar tangan dari satu bangsa penjajah kepada satu bangsa yang lain hingga berakhir dengan penjajahan Inggeris yang telah berjaya mencengkami negeri ini lebih kurang satu abad pula lamanya; dalam mana peranan-peranan penting telah dimainkan oleh penjajah-penjajah itu dengan meninggalkan kesan yang amat mendalam pada pemerintahan dan penduduk-penduduk negeri ini, hingga berbangkit Peperangan Dunia yang Kedua, dan masuklah penceroboh-penceroboh bangsa Jepun pula ke dalam negeri Melayu menyapu dan menelan segala-gala yang melintang dan membujur, sehingga penjajah Inggeris dan Raja-

Raja Melayu tak terdaya menyekat serangan mereka itu.

Kemudian daripada tamat pergolakan Peperangan Dunia yang Kedua dan tewas penceroboh-penceroboh Jepun, kembalilah semula bangsa Inggeris memerintah negeri Melayu, dan di waktu itu bangunlah sekumpulan umat Melayu yang berjiwa merdeka dan mempunyai keazaman untuk melanjutkan tekad (m/s. 6) perjuangan mereka yang telah dijalankan bersulit-sulit pada masa kedua-dua penjajahan itu.

Mereka ini ialah segolongan pemuda-pemuda yang telah naik semangat mereka dengan pengisytiharan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dalam mana hak-hak asasi manusia dikembalikan kepada tiap-tiap bangsa dan umat yang menduduki muka bumi ini. Menurut piagam itu, tiap-tiap satu bangsa itu adalah berhak menentukan untung nasibnya sendiri yang mana menjadi suatu benih untuk menimbulkan keamanan dan kedamaian umum dan melenyapkan peperangan dari muka bumi ini.

Setelah umat Melayu terlepas daripada sempitnya dua gajah yang berjuang itu, tiba-tiba mereka dapati pula diri mereka berhadapan dengan suatu kumpulan penjahat-penjahat yang lebih ganas dan lebih jahat daripada musuh-musuhnya yang dahulu, iaitulah pengganas-pengganas Komunis yang mempunyai tujuan yang amat jahat untuk mengembalikan penduduk-penduduk negeri ini kepada keadaan lama, keadaan kufur dan *ilhad* (mengingkari wujud Tuhan).

Dengan hal yang demikian, tidaklah ada jalan lain yang terbuka kepada kumpulan intelek yang bebas daripada umat Melayu selain daripada berpakat dan berunding semula dengan penjajah Inggeris atas dasar menentukan untung nasib sendiri sebagaimana yang tercatit dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Inggeris bersetuju mengembalikan hak-hak bangsa Melayu dan memberi kemerdekaan kepada negeri-negeri Melayu tetapi dengan beberapa syarat yang tertentu. Pertamanya, hendaklah didirikan suatu kerajaan persekutuan yang memakai pemerintahan berparlimen demokratik dan hendaklah menjalankan undang-undang yang berjalan sebelum berlakunya peperangan dahulu, dikecualikan perubahan-perubahan yang dilakukan menurut cara-cara Perlembagaan.

Ketika itu, orang-orang Islam di Tanah Melayu dapati diri mereka berhadapan dengan dua perkara yang besar, dan yang terlebih ringan mudharatnya ialah menerima segala syarat-syarat yang ditawarkan itu dengan harapan mereka akan dapat melatihkan diri mereka untuk mengelokkan cara pemerintahan dan pentadbiran.

Di samping itu pula, mereka dapati mereka bukanlah bangsa yang tunggal menduduki negeri ini, malahan ada beberapa bangsa lain lagi yang menyamai bilangan mereka, yang telah beranak-pinak dan tinggal dalam negeri ini dari semenjak penjajah mula meletakkan kakinya di sini. Mereka telah meninggalkan tanah tumpah darah mereka yang asal dan telah menjadikan Tanah Melayu sebagai negeri asal mereka dan telah menjalankan sepenuh usaha tenaga untuk memajukan negeri ini dan mengeluarkan perbendaharaan-perbendaharaan dari buminya.

Mereka selama-lamanya menunjukkan taat setia yang tulin terhadap undang-undang yang berjalan dalam negeri ini serta menyembah Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu. Maka kedudukan mereka tidaklah ubah sebagai kedudukan orang-orang asli negeri ini. Mereka tidak pernah melakukan sesuatu huru-hara untuk membinasakan agama dan kehidupan orang-orang Melayu, sehinggakan dalam saat yang sehabis-

habis genting dalam sejarah orang Melayu, mereka itu sentiasa berganding bahu dengan orang-orang Melayu mempertahankan negeri ini. Mereka hidup dalam rukun damai dan bersefahaman dengan penduduk-penduduk asli negeri ini.

Oleh yang demikian, penganjur-penganjur Melayu termasuklah Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja (m/s. 7) Melayu tidak nampak sebarang sebab untuk menolak mereka dari membimbingi bersama kemerdekaan negeri ini, dan bukanlah sekali-kali dari keadilan dan muslihat kebajikan orang Melayu jika mereka dihalau keluar dari negeri ini, setelah mereka hidup bersama dalam negeri ini zaman-berzaman lamanya.

Mereka berpendapat jika bangsa-bangsa asing ini tidak diajak bersama berunding dan bersekutu sama dalam pentadbiran dan pemerintahan negeri ini, kelak akan menerbitkan berbagai-bagai angkara terhadap ketenteraman negeri ini. Hendak tak hendak, mereka diberi hak bersama dan mereka dianggap sebagai warganegara yang taat setia, atau **menurut istilah Fiqh mereka itu dinamakan *"Mu'ahidin"* (Kafir yang mengikat perjanjian dengan orang Islam). Mereka pula telah bersetuju untuk menjadikan Islam agama rasmi bagi negara ini dan telah bersumpah taat setia mereka itu kepada Raja-Raja Melayu serta pihak pemerintah ini seraya menyumbangkan harta benda dan usaha tenaga serta nyawa raganya untuk mempertahankan negara ini; dan dengan pengakuan mereka, pengajaran-pengajaran Islamlah yang membolehkan mereka menikmati akan kebebasan agama dalam kedua-dua masa penjajahan dan kemerdekaan, maka mereka adalah saudara kita pada kemanusiaan, jika tidak pada agama.**

Dengan hal yang demikian, pihak pemerintah dan pemegang tampuk pentadbiran negara ini telah bersetuju memberi hal-hak sivil (awam) yang sama kepada mereka sebagaimana yang diberi kepada penduduk-penduduk asli, **melainkan apa-apa yang bersangkut-paut dengan agama Islam tidaklah berhak mereka mencampuri dan mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan berkenaannya.**

Di samping itu, mereka adalah dibolehkan mencalonkan diri dalam pilihanraya dalam tiap-tiap peringkat, selain daripada Dewan-dewan atau Majlis-majlis yang tertentu untuk perbincangan hal ehwal agama Islam. Dari pihak mereka pula, semenjak negara ini mencapai kemerdekaan adalah sentiasa menunjukkan taat setia terhadap janji-janjinya dan jujur kepada pihak pemerintah.

Dengan sebab-sebab yang dibentangkan di atas itu, **pada pendapat saya, Syariat Islam tidaklah menegah orang-orang Islam mengundikan mereka menjadi wakil mereka dalam Dewan-dewan atau Majlis-majlis yang tersebut menurut yang ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan.**

Daripada pengalaman-pengalaman yang lalu, mereka adalah didapati sentiasa menunjukkan kecekapan dan kebolehan dalam menjalankan tugas-tugas mereka terhadap muslihat dan kebaikan penduduk-penduduk negara ini umumnya, dengan tidak ada pandang-memandang dari segi agama. Maka sebarang tuduhan dari mana-mana pihak jua yang merosakkan persatuan ini adalah dipercayai di sebaliknya ada tujuan yang jahat untuk menimbulkan fitnah dan memundurkan negara ini kepada keadaan huru-hara dan kekacauan yang lama.

Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap orang Islam yang sejati supaya bertenang dan menaruh kepercayaan kepada pihak pemerintah mereka, dan hendaklah mereka sentiasa beringat dan berjaga-jaga terhadap gerak langkah mereka yang berniat jahat dan hendak melakukan kerosakan dalam negara kita ini.

Sesungguhnya apa yang selalu didengar di majlis-majlis perhimpunan ramai baharu-baharu ini daripada tuduhan yang disandarkan kepada Islam itu tidaklah salah kalau dikatakan (**m/s. 8**) **ada udang di sebalik batu. Tidak mereka bermaksud sama sekali kerana Allah, bahkan semata-mata untuk menyampaikan mereka kepada matlamat mereka dengan apa jalan dan harga sekalipun.**

Tidaklah sunyi daripada kita sekalian bahawa rahsia kekuatan sesuatu umat itu ialah dalam perpaduan. Ada pun perselisihan dalam fahaman politik itu bolehlah diumpamakan seperti peselisihan ulama-ulama dalam mazhab. Masing-masing ada dengan hujjah dan dalilnya untuk memahami hakikat Islam yang sebenar-benarnya. Tiap-tiap seorang yang hidup dalam pemerintahan demokrasi agama adalah berhak memikir dan mengeluarkan pendapat menurut caranya sendiri. Tetapi dia tidak dibenarkan sama sekali, baik oleh agama mau pun undang-undang, mengeluarkan tuduhan-tuduhan yang merosakkan keamanan dan memecah belah perpaduan oleh Islam.

Pada pendapat saya, mengundi orang kafir yang bersifat dengan segala sifat yang dibentangkan di atas tadi tidaklah ditegah oleh Syariat Islam, kerana yang demikian itu tidak mencacatkan I'tiqad seorang Islam, istimewa pula menurut hukum Syara'. Seseorang Islam

itu boleh membuat perwakilan (Wakalah) sama ada yang menerima wakil itu Islam atau kafir. Oleh yang demikian, tidaklah ada kesamaran lagi bagi siapa yang menginsafi betul-betul akan kedudukan umat dan bangsa dan mendahulukan muslihat negara dari muslihat diri sendiri.

Perwakilan itu adalah terbatas dan bukan pula suatu aqad yang terpaksa, malahan suatu aqad yang harus sahaja. Apa yang dikatakan bertentangan dengan pendapat ini sudahlah saya timbangkan dengan teliti menurut dasar-dasar Islam, maka saya berpendapat segala kata-kata dan tuduhan itu batal.

Allah Taala telah berfirman dalam Al-Quranul Karim:

لا ينهكم الله عن الذي لم يقاتلوكم في الدين ولم يخرجوكم من دياركم أن تبروهم وتقسطوا إليهم، إن الله يحب المقسطين. إنما ينهكم الله عن الذين قاتلوكم في الدين وأخرجوكم من دياركم وظاهروا على إخراجكم أن تولوهم، ومن يتولهم فأولئك هم الظالمون.

Ayat 8 Surah Al-Mumtahanah yang bermaksud: *"Tidaklah Allah Taala melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agamamu dan tidak pula mengusir kamu daripada tanah airmu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil itu. Hanya Allah Taala melarang kamu melantik pemimpin dari orang-orang yang memerangi kamu kerana agamamu dan mengusir kamu dari tanah air kamu dan menolong mengusir kamu. Barangsiapa yang mengangkat atau melantik mereka itu maka adalah ia orang-orang aniaya."*

Al-Quranul Karim adalah menyeru tiap-tiap bangsa dan umat dari berbagai-bagai warna kulit dan berlainan-lainan bahasa supaya mengharga kemanusiaan dan persaudaraan sejagat. **Bacalah sejarah perjalanan Junjungan kita Nabi Muhammad SAW, siapa yang menjadi panduan kita**

selama-lamanya, beliau bergaul dan berkira bicara dengan Yahudi, Nasrani; beliau mengikat perjanjian-perjanjian dengan kafir musyrikin dan peristiwa-peristiwa seumpama itu adalah melimpah dalam sejarah Islam. Sayugialah umat Islam menghalusi dan mengambil iktibar untuk hidup dalam zaman pancaroba ini. *Wallahul muwaffiq*.

* * *

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia,
Kuala Lumpur dan dicetak oleh
Percetakan Soo Lai, Kuala
Lumpur.[3]

BAYTUL
HIKMĀ

[3] Tamat perumian pada tepat jam 12:00 tengah malam, Sabtu, bersamaan 1 September 2018, bertempat di Pendang Kedah. *Alhamdulillah*. –Arsyad Mokhtar.

BAYTUL ḤIKMĀ

LAMPIRAN

MANUSKRIP JAWI

"FATWA BERKENAAN TUDUHAN KAFIR-MENGKAFIR"

BAYTUL ḤIKMĀ

BAYTUL ḤIKMĀ

فتوى بركنائن تودهن كافر مڠكافر

اوله

صاحب الفضيلة توان سيد يوسف بن علي الزواوي جيه.ڤي.، ڤي.جيه.كيه.
مفتي كراجأن ترڠڬانو.

اڬام اسلام مڠحرامكن سسئورڠ اسلام ايت منوده كافر ترهادڤ سسئورڠ اسلام يڠلاءين، كران رسول الله صلى الله عليه وسلم تله برسبدا "لايرمي رجل رجلا بالفسوق ولايرميه بالكفر الاارتدت عليه ان لم يكن صاحبه كذلك" درواياتكن اوله ابوذر سبڬيمان يڠترسبوة دالم كتاب٢ صحيح امام بخاري دان صحيح امام مسلم، يڠ برمقصود: بارڠسياڤ يڠ منوده فاسق اتو كافر ترهادڤ سسئورڠ لاءين اداله دي سنديري اكن منجادي فاسق اتو كافر جك تودهنڽ ايت تيدق بنر. **تله اجماع سكلين علماء اسلام ڤد مڠتاكن ڤربواتن ايت اداله سوات دوسا يڠبسر**، كالو ڤون تأ بوله دكتاكن سبسر٢ دوسا، كران ميبيكن اورڠ يڠ ممبواة تودهن ايت سنديري منجادي كافر عاقبة دري تودهن يڠتيدق سبنر ايت.

اد ڤون اورڠ اسلام يڠ تركنا توده كافر ايت، تيدقله ترجاتوه كأتسڽ سسوات حكم درڤد حكم٢ شرع، دكچواليكن جك دي تله دحكمكن سبڬيتو، يعني منجادي كافر، اوله سئورڠ حاكم شرعي، ستله ثابيت تودهن كافر ايت كأتسڽ سلڤس دجالنكن ڤمڤياستن دان ڤنليتين يڠ سهالوس٢ دان تله دڤرنته اياڽ برتوبة تتاڤي اڠڬن، كتيك ايت بهارولە برجالن كأتسڽ حكم٢ يڠترجاتوه كأتس سئورڠ كافر. كران جك تودهن يڠ سوينڠ٢ داكوءي صح، سوده تنتو اكن برلاكو هورو هارا، دان كتيك ايت تيدقله اد لاڬي سكاتن اتو كاوالن شرع. **ملك واجبله دأتس تيڤ٢ اورڠ يڠ سوك ممڤرمأينكن٢ ڤركتأن "كافر مڠكافر" اين مڠانصافي اكن دوسا يڠ دي لاكوكن ايت، دان واجبله اي برتوبة دڠن سرتمرت، سڤاي تيدقله اي برككالن ددالم دوسا يڠ بسر ايت يڠاكن ممباواڽ كنراك. جك اي ماسيه ككل ممبواة تودهن ايت ملك واجبله دأتس ڤمرنته تعزير كنڽدي دڠن اڤ چارا يڠ دفيكركن ڤاتوة دان مناسبه.**

بركنأن دڠن سوأل اداكه هاروس باڬي سسئورڠ اسلام مميليه اتو مڠونديكن سئورڠ ورڬنڬارا يڠبوكن اسلام منجادي وكيل رعية دالم ديوان٢ مشوارة اتو لاءينڽ يڠتيدق اد كأيتن دڠن ڤركارا اڬام، ملك ددالم نڬري٢ كيت دملايا ڤراتوران٢ ڤيليهنراي يڠدجالنكن ايت اداله برسسواين دڠن مقصود ڤرلمبڬأن نڬارا ڤرسكتوان تانهملايو يڠتله دصحكن دڠن ڤكاتن سكلين ڤرتوبهن٢ سياسه يڠ مندوكڠي سوارا يڠتر باڽق درڤد ڤندودق٢ نڬارا اين، دالمان تله دقانونكن بهوا تيڤ٢ ورڬنڬارا اين اداله ممڤوڽأي حق٢ دان تڠڬوڠن٢ يڠسام دري سڬي اوندڠ٢ نڬري، تيدق تركچوالي

https://www.facebook.com/arsyad.pendang

سمأد ورگنگارا ايت براگام اسلام اتو ڤون تيدق، سلاگي دي طاعة دان ڤاتوه كڤد اوندڠ٢ نگري، دان سكليڽ تله مڠاكو دان مڠصحكن بهوا اڤ٢ يڠ اد كأيتن دڠن ڤركارا اگام اسلام اداله ترڤولڠ كڤد دولي٢ يڠمها مليا سلطان٢ ڤد مڠنداليكنڽ.

منكل كيت تيليق كڤد اڤ يڠترسبوة دأتس ايت نسچاي تيدقله ترلوڤوة دري ڤنداڠن كيت بتاڤ بسرڽ مصليحة عام يڠ تركندوڠ ددالمڽ. **اوله يڠدمكين تيدقله اد هالڠن دري سگي شرع بهوا سسئورڠ اسلام ايت مميليه اتو مڠوندي سسئورڠ كافر يڠتله داكوءي صح كورگنگاراأنڽ** دڠن سگل شرط٢ يڠترچاتية دالم ڤرلمبگأن، كران رسوالله صلى الله عليه وسلم تله برسبدا "المؤمنون عند شروطهم" يڠ برارتي اورڠ٢ مؤمن ايت اداله دتنتوة ميمڤرناكن شرط٢ جنجيڽ. ڤڠونديڽ ايت تيدق لبه دري اڤ يڠدمقصودكن دالم حكم وكاله (ممبري وكيل) يڠهاڽ ترايكة دان ترتنتو دڠن سوات ڤركارا يڠ تيدق اد هوبڠن دڠن اڤ٢ شعار اسلام اتو اعتقاد سئورڠ مؤمن سرت تيدق ڤول ميڽنتوهي كحرماتن ڤڠوندي ايت سباگي سئورڠ اسلام، اتو برتنتاڠن دڠن مصليحتڽ٢ دري سگي ڤڠهيدوڤن دنياڽ، سكاليڤون تيدقله هندق كيت تگسكن بهوا ڤداڽ ترلتق كبجيكن دان كسلامتن عام. **علماء٢ اسلام تله مموتسكن بهوا ڤد ممباوة سسوات وكاله (ڤرواكيلن) تيدقله دشرطكن بهوا اورڠ يڠ هندق دواكيلكن ايت مستي براگام اسلام**، كچوالي دالم ببراڤ ڤركارا يڠترتنتو سهاج، كران وكاله ايت دكتاكن سوات عقد يڠ هاروس (تيدق ترمستي دبواة)، واللهولي التوفيق.

كوالا ترڠگانو 14 جمادي الاول 1383
2 اوكتوبر 1963



سيد يوسف بن علي الزواوي،
مفتي كراجأن ترڠگانو.

https://www.facebook.com/arsyad.pendang

2

سـروان مفتي تـرغـگـانو كـڤـد اومت اسـلام

(برداسركن كڤد ڤتوا يڠتله دكـلواركنڽ مڠنأي كافر مڠكافر دأتس، ملك صاحب الفضيلة توان سيد يوسف بن علي الزواوي، مفتي كراجأن ترغگانو، تلـه مڠهادڤكن سروان دباوه اين كڤد اومة اسلام دنگري كيت:)

ستله برجواڠ هابيسن٢ دان منومڤهكن ڤڠربانن٢ يڠ بسر، اومة ملايو ڤـد اخرڽ داڤتله منبوس باليق كمرديكأن تانهملايو دري تاڠن ڤنجاجه دالمتاهون 1957 دان سجق ايت مولاله نگارا ڤرسكتوان تانهملايو مارا كهداڤن لڠكه دمي سلڠكه منچيڤتا كماجوان دري سگي ڤمباڠونن، ڤلاجران،، كبجيكن مشاركة دانلاءين٢. سوات ڤرلمبگأن تله دمتريكن دڠن منداڤة سوكڠن دان ڤڠصاحن دري ڤرتوبهن٢ سياسه يڠ مندوكڠ سوارا ترباڽق درڤد رعية٢ نگارا اين دري برباگي٢ روڤ چورق ڤنتس ڤرجواڠنڽ دان بڠسا كتورنن ماسيڠ٢.

سدڠ نگارا اين برجالن دڠن ڤستڽ كأره كماجوان، تيبا٢ بڠكية سگليڤتير بيلاڠن مأنسي يڠ مندعواكن ديريڽ اهلي علمو، ڤمبيلا اگام، مپيبركن ڤسون دكالڠن رعية دڠن ممبواة تودهن كونونڽ سياڤ٢ درڤد اورڠ اسلام يڠ مميليه دان مڠونديكن چالون كافر منجادي واكيل دالم مان٢ ديوان مشوارة نگارا اين حكومڽ كاڤر، دڠن تيدق مڠيراكن بهيا ڤتنه يڠ اكن تيمبول دري ڤسون تودهن ايت، دان تيدق مڠهيراوكن كروسقكن دان كبنسأن يڠاكن برايكور درڤداڽ. بهوا سسڠگوهڽ لڠكه تيكتيك ستڠه٢ اهلي سياسه يڠبلوم ماسق يڠ براني منربيتكن ڤتنه اگام يڠ بسر سأومڤام ايت امتله مپديهكن تيڤ٢ سڠورڠ اسلام يڠ چمبوروكن اوگماڽ دان تيڤ٢ اورڠ اسلام يڠ ممڤوڽـأي عقل فيكران يڠوارس دان بيبس. مريك هندقڽ برايڠة بهوا عاقبة ڤسون يڠ سبگيتو براچون اكن منيمڤا باتو كڤلا مريك سنديري سبلوم درڤـد اورڠلاءين. **الله تعالي سهاج يڠ مها مڠتهوي تودهن يڠ دبواة ايت بوكن سكالي٢ كران اگام دان بوكن سكالي٢ كران الله مالهن سباگي اومڤن انتوق ممنچيڠ سوارا رعية يڠ لورروس.**

مريك ممڤرمأينكن٢ ڤركتأن "كافر مڠكافر" دڠن تيدق مريك مڠهيراوكن داسر اگام اسلام يڠتله سديا اد دڠن تگوهڽ تأ بوله داوبه اليه. اگام اسلام تلـه منتڤكن داسرڽ بهوا مان٢ جوگ اورڠ اسلام تيدق هاروس سكالي٢ مڠحكومكن سئورڠ اسلام لاءين دڠن كاڤر منورة دري سگي ڤنداڠن ڤرسئوراڠن دان جك اد برلاكو كجادين يڠ سأومڤام ايت ملك تيدق سكالي٢ بوله دجاتوهكن كأتس اورڠ يڠ دتوده ايت دڠن سبارڠ حكوم اگام يڠسلايق دتريمااوله سئورڠ كافر دكچواليكن تله دتيمبڠ دڠن سهالوسڽ٢ اوله سئورڠ حاكم شرعي دان ستله ثابيت دسيسيڽ يڠ دمكين ايت وقت ايت بهاروله بوله دحكومكن اياڽ كافر. كالو توده منوده يڠ سوينڠ٢

https://www.facebook.com/arsyad.pendang

دبنركن اوله اسلام نسچاي اكن برلاكوله هورو هارا دالم مشاركة اسلام سبݢيمان يغتله مولا دليهة ريافن٢ ڤد ماس اين.

ايمان دان كفر ايت كدواڽ كمبالي كڤد اعتقاد سسئورغ دان تمڤة كسوداهن اعتقاد ايت اياله كڤد الله سبحانه وتعالى. اوله يغدمكين تله اجماع سكلين علمأ اتس داسر يغدبنتڠكن دأتس تادي، يغمان اداله منجوقكن بتاڤ برتڠ ڤنداڠن شرع انتوق مڠحرماتي اعتقاد ڤرسئوراڠن. رسوالله صلى الله عليه وسلم تله ممبري امارن كرس ترهادڤ سياڤ٢ يڠ منچابول داسر ايت دڠن سبداڽ يڠسديا ترمعلوم اوله تيڤ٢ سئورڠ اسلام سبداڽ "من كفر مسلما فقد كفر" يڠبرارتي بارڠسياڤ يڠ منوده كافر ترهادڤ سئورڠ اسلام يڠلاءين نسچاي دي سنديري منجادي كافر.

جك ڤسون يڠ هاروس تيمبول دالم مشاركة اسلام ايت دمقصودكن منجادي سوات سنجات اوله سوات ڤارتي ڤوليتيك يڠترتنتو انتوق منيكم لاونڽ، مك اتس نام ڤرسودارأن اسلام ساي نصيحتكن دڠن تولس اخلاص ترهادڤ سياڤ جوݢ يڠ برلاكو دمكين، بأيك اڤ جوݢ ڤهم ڤوليتيكڽ، هندقله برهنتي دري ڤربواتن ايت، كران ڤربواتن ايت اداله داڠݢڤ اوله شرع سوات دوسا يڠ بسر يڠسكالي٢ تيدق دريضأي اوله الله دان رسولڽ، يڠكلق اكن منيمبولكن عاقبة يڠبورق سكالي كأتس ديري مريك دان ڤارتي مريك سنديري، كران ڤارتي٢ ڤوليتيك ايت بوكنله تجوان اوتماڽ ممبينچڠ دان ممبحث ڤركارا٢ يڠ برسڠكوة ڤاءوة دڠن اݢام دان تيدق ڤرنه دداڤتي ڤد مان٢ ماس ڤون دالم سجاره بهوا اݢام اسلام ايت سبواه ڤارتي ڤوليتيك. ستله اد تيمبولڽ كجادين ڤتنه يڠ تأ دسڠك٢ ايت مك اداله منجادي كواجيڤن تيڤ٢ اورڠ اسلام يڠبرعقل دان ڤيهق يڠبركواس جوݢ ممادمكن ڤتنه ايت سبلوم اي مريبق دان ممبڠكيتكن كجادين٢ يڠ تيدق دايڠيني. كومڤلوة٢ يڠبرچيتا٢ هندق مندودقكي كروسي٢ يڠ لونق دڠن جالن ممڤردايأي رعية يڠ لورس ايت هندقله دكوتوق سڤاي ترڤليهارا ڤرڤادوان رعية دان ترسنجوڠ تيڠݢي ڤڠاجران٢ اسلام يڠمها سوچي.

https://www.facebook.com/arsyad.pendang

اولاسن دان ڤنراڠن مفتي ترڠݢانو

(دباوه اين اياله "اولاسن دان ڤنراڠن" يڠدكلواركن اوله صاحب الفضيلة توان سيد يوسف بن علي الزواوي، مفتي كراجأن ترڠݢانو، مڠنأي ڤتواڽ تنتڠ كافر مڠكافر دأتس تادي، سباݢي هوراين لنجوة دري سݢي٢ كدودقنڽ ڤركارا ايت)

سبلوم توجه ابد يڠ سيلم اتو لبه، اومة ملايو سبݢيمان اومة٢ دنيا يڠلاءين جوݢ، اداله هيدوڤ مراب٢ دالم ݢلڤ كجاهيلن. دڠن تقدير توهن داتڠ سكمڤولن مأنسي درڤد ڤداݢڠ٢ براݢام اسلام ممڤلوڤوري كداتڠن اوتوسن٢ اݢام الله كتانه ملايو. سمبيل برجوالبلي دان برنياݢ، مريك ميرو اورڠ٢ ملايو انتوق مڠانوتي اݢام الله اݢام اسلام يڠمها سوچي دان مناريق مريكڤيت سديكية دمي سديكية مڠعمالي ڤڠاجران٢ اسلام دان برهنتي دري ميمبه برهالا دان ڤاتوڠ سرت برانسور٢ مڠيكيس دري هاتي صنوباري مريك كڤرچيأن يڠ كاروة.

تيدق براڤ لام كمدين درڤد ايت برسينرله چهيا اݢام اسلام دسݢنڤ ڤلوسوق دان رنتاو تانه ملايو دان ترديريله بيراڤ كراجأن اسلام دنݢري٢ ملايو مندوكڠ اݢام الله دان مڠاتور سݢل كيرا بچارا مريك منورة اجران٢ اسلام يڠ سوچي. دمكينله حالڽ اݢام اسلام مول مونچول دالم نݢري٢ ملايو دان كمدين درڤد ايت برسينرله چهياڽ دعالم ملايو بيراڤ ابد لماڽ. كالوله تيدق كران ڤرتيكاين دان ڤربوتن كواس يڠسريڠ برلاكو انتارا ڤمبسر٢ دان راج٢ ملايو نسچاي برتمبه ݢمرلاڤنله چهيا اسلام منچيڤتا كماجوان دالم تيڤ٢ لاڤڠن هيدوڤ دان تيدقله اد چله باݢي ڤنجاجه٢ مماسوقكن جاروم ڤڠارهڽ هڠݢ ميببكن ترجاديڽ برباݢي٢ هورو هارا دالم ڤمرينتاهن دان تيمبول برماچم٢ ڤتنه يڠ ممباوا عاقبة كلماهن اومة اسلام دنݢري اين. ڤد اخرڽ داڤة ڤنجاجه٢ ايت ملتقكن سڤنوه٢ چڠكامن كأتس كراجأن دان اومة ملايو دان منجالنكن ڤمرنتاهن منورة يڠ درنچناكن اوله مصليحة٢ ديري مريك. ڤنجاجه٢ كولية ڤوتيه تله بربوة٢ مرمڤس ڤمرنتاهن نݢري اين، دان دالم ماس ساتو ابد لبهكورڠ، نݢري ملايو برتوكر تاڠن دري ساتو بڠسا ڤنجاجه كڤد ساتو بڠسا يڠلاءين هڠݢ براخر دڠن ڤنجاجهن اڠݢريس يڠتله برجاي منچڠكامي نݢري اين لبهكورڠ ساتو ابد ڤول لماڽ. دالمان ڤرانن٢ ڤنتيڠ تله دمأينكن اوله ڤنجاجه٢ ايت دڠن منيڠݢلكن كسن يڠامة مندالم ڤد ڤمرنتاهن دان ڤندودق٢ نݢري اين، هڠݢ بربڠكية ڤڤراڠن دنيا يڠكدوا، دان ماسوقله ڤنچروبه٢ بڠسا جڤون ڤول كدالم نݢري ملايو مڽاڤو دان منلن سݢل٢ يڠ ملينتڠ دان ممبوجور سهڠݢ ڤنجاجه اڠݢريس دان راج٢ ملايو تأ ترداي ميكة سراڠن مريكڤيت.

كمدين درڤد تمت ڤرݢولقنڽ ڤڤراڠن دنيا يڠكدوا دان تيواس ڤنچروبه٢ جڤون، كمباليله سمولا بڠسا اڠݢريس ممرنته نݢري ملايو، دان دوقت ايت باڠونله سكمڤولن اومة ملايو يڠ برجيوا مرديكا دان ممڤوڽأي كعزامن انتوق ملنجوتكن تيكد

5

https://www.facebook.com/arsyad.pendang

ڤرجواڠن مريك يڠتله دجالنكن برسولية٢ ڤد ماس كدوا٢ ڤنجاجهن ايت. مريك اين اياله سڬولڠن ڤمودا٢ يڠتله نأيك سماڠة مريك دڠن ڤڠاشتهاران ڤياڬم بڠسا٢ برساتو دالمان حق٢ اساسي مأنسي دكمباليكن كڤد تيڤ٢ بڠسا دان اومة يڠ مندودقكي موك بومي اين. منورة ڤياڬم ايت تيڤ٢ ساتو بڠسا ايت اداله برحق منتوكن اونتوڠ نصيبڽ سنديري يڠمان منجادي سوات بنيه انتوق منيمبولكن كأمانن دان كدامين عموم دان ملڽڤكن ڤڤراڠن دري موك بومي اين.

ستله اومة ملايو ترلڤس دري سڤيتن دوا ݢاجه يڠبرجواڠ ايت، تيبا٢ مريك داڤتي ڤول ديري مريك برهداڤن دڠن سوات كمڤولن ڤنجاهة٢ يڠلبه ݢانس دان لبه جاهة دري موسهڽ٢ يڠ دهولو، يأيتوله ڤڠݢانس٢ كومينيس يڠ ممڤوڽأي تجوان يڠامة جاهة انتوق مڠمباليكن ڤندودق٢ نݢري اين كڤد كأدأن لام، كأدأن كڤر دان الحاد (مڠانكاري وجود توهن). دڠن حال يڠدمكين تيدقله اد جالن لاءين يڠتربوك كڤد كمڤولن انتيليق يڠ بيبس درڤد اومة ملايو سلاءين درڤد برڤاكة دان برونديڠ سمولا دڠن ڤنجاجه اڠݢريس اتس داسر منتوكن انتوڠ نصيب سنديري سبݢيمان يڠ ترچاتية دالم ڤياڬم بڠسا٢ برساتو. اڠݢريس برستوجو مڠمباليكن حق٢ بڠسا ملايو دان ممبري كمرديكأن كڤد نݢري٢ ملايو تتاڤي دڠن ببراڤ شرط يڠترتنتو. ڤرتماڽ هندقله ددير يكن سوات كراجأن ڤرسكتوان يڠ مماكي ڤمرنتاهن برڤارليمن ديموقراتيك دان هندقله منجالنكن اوندڠ٢ يڠبرجالن سبلوم برلاكوڽ ڤڤراڠن دهولو دكچواليكن ڤراوباهن٢ يڠ دلاكوكن منورة چارا٢ ڤرلمبݢأن.

كتيك ايت اورڠ٢ اسلام دتانهملايو داڤتي ديري مريك برهداڤن دڠن دوا ڤركارا يڠ بسر، دان يڠ ترلبه ريڠن مضرتڽ اياله منريما سڬل شرط٢ يڠدتاوركن ايت دڠن هارڤن مريك اكن داڤة ملاتيهكن ديري مريك انتوق مڠايلوقكن چارا ڤمرنتاهن دان ڤنتدبيران. دسمڤيڠ ايت ڤول مريك داڤتي ديري مريك بوكنله بڠسا يڠ توڠݢل مندودقكي نݢري اين، ملاهن اد ببراڤ بڠسا لاءين لاݢي يڠ ميمڤأي بيلاڠن مريك، يڠتله برانق ڤينق دان تيڠݢل دالم نݢري اين دري سمنجق ڤنجاجه مولا ملتقكن كاكيڽ دسيني. مريك تله منيڠݢلكن تانه تومڤه داره مريك يڠ اصل دان تله منجاديكن تانهملايو سباݢي نݢري اصل مريك دان تله منجالنكن سڤنوه اوسها تناݢ انتوق مماجوكن نݢري اين دان مڠلواركن ڤربندهارأن٢ دري بوميڽ. مريك سلملماڽ منجوقكن طاعة ستيا يڠتولين ترهادڤ اوندڠ٢ يڠرجالن دالم نݢري اين سرت ميمبه دولي٢ يڠمها مليا راج٢ ملايو. ملك كدودقڽ مريك تيدقله اوبه سباݢي كدودقڽ اورڠ٢ اصلي نݢري اين. مريك تيدق ڤرنه ملاكوكن سسوات هوروهارا انتوق ممبنساكن اݢام دان كهيدوڤن اورڠ٢ ملايو، سهڠݢاكن دالم ساعة يڠ سهابيس٢ ݢنتيڠ دالم سجاره اورڠملايو، مريكڤيت سنتياس برݢنديڠ باهو دڠن اورڠ٢ ملايو ممڤرتاهنكن نݢري اين. مريك هيدوڤ دالم رکن دامي دان برسڤهامن دڠن ڤندودق٢ اصلي نݢري اين. اوله يڠدمكين ڤڠنجور٢ سلايو ترماسوقله دولي٢ يڠمها مليا راج٢

6

https://www.facebook.com/arsyad.pendang

ملايو تيدق نمڤق سبارڠ سبب انتوق منولق مريك دري ممبيڠبيڠي برسام كمرديكاأن نڬري اين، دان بوكنله سكالي٢ دري كعاديلن دان مصليحة كبجيكن اورڠملايو جك مريك دهالو كلوار دري نڬري اين، ستله مريك هيدوڤ برسام دالم نڬري اين زمان برزمان لماڽ. مريك برڤنداڤة جك بڠسا٢ اسيڠ اين تيدق داجق برسام بروندیڠ دان برسكتو سام دالم ڤنتدبيران دان ڤمرنتاهن نڬري اين كلق اكن منربيتكن برباڬي اڠكارا ترهادڤ كتنترامن نڬري اين. هندق تأ هندق مريك دبري حق برسام دان مريك داڠڬڤ سباڬي ورڬنڬارا يڠ طاعة ستيا اتو منورة استيله ڤقه مريك دنماكن "معاهدين" (كاڤريڠ مڠيكة ڤرجنجين" دڠن اورڠ اسلام). مريك ڤول تله برستوجو انتوق منجاديكن اسلام اڬام رسمي باڬي نڬارا اين دان تله برسومڤه طاعة ستيا مريك كڤد راج٢ ملايو سرت ڤيهق ڤمرينته نڬارا اين سراي ميوميڠكن هرتبندا دان اوسها تناڬ سرت ڤاوا راڬاڽ انتوق ممڤرتاهنكن نڬارا اين، دان دڠن ڤڠاكوان مريك ڤڠاجران٢ اسلامله يڠ ممبوليهكن مريك منعماتي اكن كبيباسن اڬام دالم كدوا٢ ماس ڤنجاجهن دان كمرديكاأن، ملك مريك اداله سودارا كيت ڤد كمانسيأن جك تيدق ڤد اڬام، دڠن حال يڠدمكين ڤيهق ڤمرنته دان ڤمڠڠ تمڤوق ڤنتدبيران نڬارا اين تله برستوجو ممبري حق٢ سيبيل (عوام) يڠسام كڤد مريك سبڬيمان يڠ دبري كڤد ڤندودق٢ اصلي، ملينكن اڤ٢ يڠبرسڠكوة ڤاوة دڠن اڬام اسلام تيدقله برحق مريك منچمڤوري دان مڠمبيل بهاڬين دالم ڤربينچاڠن٢ بركناأنڽ، دسمڤيڠ ايت مريك اداله دبوليهكن منچالونكن ديري دالم ڤيليهنراي دالم تيڤ٢ ڤريڠكة، سلاءين درڤد ديوان٢ اتو مجلس٢ يڠترتنتو انتوق ڤربينچاڠن حال احوال اڬام اسلام. دري ڤيهق مريك ڤول سمنجق نڬارا اين منچاڤي كمرديكاأن اداله سنتياس مننجوقكن طاعة ستيا ترهادڤ جنجين٢ دان جوجور كڤد ڤيهق ڤمرنته. دڠن سبب٢ يڠدبنتڠكن دأتس ايت ڤد ڤنداڤة ساي، شريعة اسلام تيدقله منڬه اورڠ٢ اسلام مڠونديكن مريك منجادي وكيل مريك دالم ديوان٢ اتو مجلس٢ يڠ ترسبوة منورة يڠدتتڤكن اوله اوندڠ٢ دان ڤراتوران. درڤد ڤڠالمن٢ يڠلالو مريك اداله دداڤتي سنتياس مننجوقكن كچكاڤن دان كبوليهن دالم منجالنكن توڬس٢ مريك ترهادڤ مصليحة دان كبأيقكن ڤندودق٢ نڬارا اين عمومڽ دڠن تيدق اد ڤندڠ ممندڠ دري سڬي اڬام. ملك سبارڠ تودهن دري مان٢ ڤيهق جوا يڠ مروسقكن ڤرساتوان اين اداله دڤرچيأي دسباليقڽ اد تجوان يڠ جاهة انتوق منيمبولكن ڤتنه دان ممونددوركن نڬارا اين كڤد كاداأن هوروهارا دان ككاچوان يڠلام.

اداله منجادي كواجيڤن تيڤ٢ اورڠ اسلام يڠ سجاتي سڤاي برتڠڠ دان منارو كڤرچيأن كڤد ڤيهق ڤمرنته مريك، دان هندقله مريك سنتياس برايڠة دان برجاڬ٢ ترهادڤ ڬرقلڠكه مريك يڠ برنية جاهة دان هندق ملاكوكن كروسقكن دالم نڬارا كيت اين. سسڠڬوهڽ اڤ يڠ سلالو ددڠر دمجلس٢ ڤرهيمڤونن رامي بهارو٢ اين درڤد تودهن٢ يڠدسندركن كڤد اسلام ايت تيدقله ساله كالو دكتاكن

اد اودغ دسباليق باتو. تيدق مريك برمقصود سمسكالي كران الله، بهكن سمات٢ انتوق مپمڤيكن مريك كڤد متلامة مريك دغن اڤ جالن دان هرݢ سـكاليڤون. تيدڤله سوڤي دري كيت سكلين بهوا رهسيا كڤواتن سسوات اومة ايت ايالـه دالم ڤرڤادوان. اد ڤون ڤرسليسيهن دالم ڤهامن ڤولينيلك ايت بولهله داومڤماكن سڤرت ڤرسليسيهن علمأ٢ دالم مذهب. ماسيغ٢ اد دغن حجه دان دليلڽ انتوق ممهامي حقيقة اسلام يغ سبنرڽ٢. تيف٢ سئورغ يغ هيدوف دالم ڤمرنتاهن ديموقراسي اݢام اداله برحق مميكر دان مڠلواركن ڤنداڤة منورة چاراڽ سـنديري. تتاڤي دي تيدق دبنركن سمسكالي، بأيك اوله اݢام مأو ڤون اوندغ٢، مڠلواركن تودهن٢ يغ مروسقكن كأمانن دان ممچه بله ڤرڤادوان اوله اسلام.

قد ڤنداڤة ساي مڠونديي اورغ كاڤر يغبرصفة دغن سݢل صفة يغدبنتڠكن دأتس تادي تيدقله دتڬه اوله شريعة اسلام، كران يغدمكين ايت تيدق منچاچتكن اعتقاد سئورغ اسلام، استميوا ڤول منورة حكوم شرع. سسئورغ اسلام ايت بوله ممبواة ڤرواكيلن (وكاله) سمأد يغ منريما وكيل ايت اسلام اتو كاڤر. اوله يغدمكين تيدقله اد كسامرن لاݢي باݢي سياڤ يغ مڠانصاڤي بتول٢ اكن كدودقڽ اومة دان بڠسا دان مندهولوكن مصليحة نݢارا دري مصليحة ديري سنديري. ڤرواكيلن ايت اداله ترباتس دان بوكن ڤول سوات عقد يغ ترڤقسا، ملاهن سوات عقد يغ هاروس سهاج. **اڤ يغ دكتاكن برتنتاغن دغن ڤنداڤة اين سودهله ساي تيمبڠكن دغـن تليتي منورة داسـر٢ اسلام ملك ساي برڤنداڤة سݢل كات٢ دان تودهن٢ ايت بطل.** الله تعالى تله برڤرمان دالم القرأنلكريم "لاينهاكم الله عن الذي لم يقا تلوكم ڤي الدين ولم يخرجوكم من دياركم ان تبروهم وتقسطوا اليهم ان الله يحب المقسطين، انما ينهاكم الله عـن الـذين قاتلوكم ڤى الدين واخرجوكم من دياركم وظاهروا على اخراجـكم ان تولوهم ومن يتولهم ڤاولئك هم الظالمون" الاءية، اية 8 سورة الممتحنة. يغبرمقصود، تيدقلـه الله تعالى ملارغ كامو بربواة بأيك دان برلاكو عاديل كڤد اورغ٢ يغ تيدق ممراڠي كامو كران اݢام مو دان تيدق ڤول مڠوسير كامو درڤد تانهأير مو، سسڠݢوهڽ الله مڠاسيهي اورغ٢ يغ برلاكو عاديل ايت. هاڽ الله تعالى مـلارغ كامو ملنتيق ڤميمڤين دري اورغ٢ يغ ممراڠي كامو كران اݢام مو دان مڠوسير كامو دري تانهأير كامو دان منولغ مڠوسير كامو، بارغسياڤ يغ مڠڠكة اتو ملنتيق مريكئيت ملك اداله اي اورغ٢ اونياي. القران الكريم اداله مپرو تيف٢ بڠسا دان اومة دري بـرباݢي٢ ورن كـولية دان برلاءينن٢ بهاس سڤاي مڠهرݢݢ كمأنسيأن دان ڤرسوداراأن سجاݢة. **بچاله سـجاره ڤرجلانن جنجوڠـن كيت نبي محمد صلي الله عليه وسلم سياڤ يـغ منجادي ڤندوان كيت سلملماڽ، بليو برݢأول دان بـركيرا بـچارا دغـن يهودي، نصراني، بليو مڠيكة ڤرجنجين٢ دغن كاڤر مشركين دان ڤراستيوا٢ سأومڤام ايت اداله مليمڤه دالم سجاره اسلام.** سيݢياله اومة اسلام مڠهالوسي دان مڠمبيل اعتبار انتوق هيدوف دالم زمان ڤنچروب اين، والله الموفق. https://www.facebook.com/arsyad.pendang




دتربيتكن اوله جباتن ڤنراڠن مليسيا، كوالا لمڤور دان دچيتق اوله ڤرچيتقڽ سولاي، كوالا لمڤور.

BAYTUL ḤIKMĀ



BAYTUL
ḤIKMĀ

BAYTUL ḤIKMĀ


BAYTUL
ḤIKMĀ